



Kawasan yang didakwa menjadi aktiviti perlombongan pasir haram diserbu SPRM dan Pejabat Tanah dan Galian Putrajaya.

[FOTO IHSAN SPRM/BH]



Pegawai SPRM menahan suspek ketika melakukan serbuan di Putrajaya.

[FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

# Untung RM10 juta curi pasir di Putrajaya

BH . 12/2/16  
ms. 12

» Sindiket dipercayai didalangi dua individu termasuk bekas banduan

Oleh Zanariah Mutalib dan Wan Noor Hayati Wan Alias  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

**S**ebidang tanah kerajaan se-luas 21 hektar dekat Precint 20 di sini, dijadikan lombong pasir secara haram oleh sindiket yang dipercayai meraih keuntu-

ngan hampir RM10 juta sejak tiga tahun lalu.

Lombong pasir haram terbabit terletak bersebelahan kawasan rizab Pusara Negara dengan kesan pencerobohan dapat dilihat dari Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), yang terletak kira-kira 1.5 kilometer dari situ.

Kegiatan itu dibongkar dalam operasi bersepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Putrajaya, mulai jam 12 tengah hari hingga 3 petang semalam.

## Dijual harga murah

Risikan mendapati sindiket perlombongan pasir terbabit didalangi sekurang-kurangnya dua individu termasuk bekas banduan.

*Dua lelaki berusia lingkungan 30an dan 50an ditahan ketika cuba memberi rasuah kepada pegawai SPRM dan PTG yang menyita empat jengkaut bernilai RM500,000 dalam operasi berkenaan*

Azam Bakri,  
Pengarah Siasatan SPRM



Pegawai SPRM dan Pegawai Pejabat Tanah dan Galian Putrajaya melakukan tinjauan sindiket curi pasir.

Pemantauan sebelum serbuan mendapati, sekurang-kurangnya 50 lori dengan keupayaan membawa muatan sehingga 30 tan, keluar masuk mengangkut pasir dari situ.

Pasir dari kawasan terbabit dipercayai dijual kepada pemaju dan kontraktor binaan sekitar Dengkil dan Sepang pada harga yang lebih murah dari pasaran, membuatkan mereka menerima permintaan tinggi.

Pulangan lumayan daripada kegiatan itu, membolehkan sindiket terbabit turut mengupah tonto dan menawarkan suapan kepada anggota penguasa dalam usaha melindungi kegiatan haram itu.

Siasatan awal SPRM mendapati kegiatan itu juga dilindungi samseng yang mengancam penguasa, terutama pegawai dan anggota PTG, jika cuba mengambil tindakan ke atas mereka.

## Cuba beri rasuah

Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Azam Bakri, berkata dua lelaki berusia lingkungan 30-an dan 50-an ditahan ketika cuba memberi rasuah kepada pegawai SPRM dan PTG yang menyita empat jengkaut bernilai RM500,000 dalam operasi berkenaan.

"Ketika serbuan, dua individu ditahan kerana cuba memberi

suapan berjumlah RM2,500 kepada pegawai SPRM agar tidak mengambil tindakan terhadap kegiatan haram mereka dan melepaskan lori pasir yang digunakan untuk membawa keluar pasir dari situ.

"Kedua-dua individu itu ditahan untuk siasatan mengikut bawah Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 kerana memberi rasuah kepada penjawat awam," katanya.

Azam berkata, pihaknya hairan bagaimana kegiatan sedemikian boleh berlaku di kawasan yang begitu hampir dengan pusat pentadbiran kerajaan itu sejak tiga tahun lalu.

"Serbuan dibuat hasil maklumat orang awam yang mendakwa wujud aktiviti perlombongan pasir haram di kawasan Putrajaya, membabitkan pengusaha yang membayar sogokan kepada penguasa kuasa bagi melindungi kegiatan mereka," katanya.

Sementara itu, jurucakap PTG mengesahkan, kawasan seluas 1.2 hektar daripada tanah yang diceroboh itu sudah diluluskan untuk pembinaan lapang sasar tetapi belum dibangunkan.



Kawasan tanah milik kerajaan yang musnah akibat kegiatan sindiket curi pasir.

Untuk video, layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)